

Pendidikan prasekolah cerminkan komitmen YS dan UMS

KOTA KINABALU: Pendidikan prasekolah merupakan langkah permulaan para pelajar untuk melibatkan diri dalam bidang pendidikan khususnya di peringkat sekolah, kata Timbalan Pengarah Yayasan Sabah, Datuk Mohd Tahir Jaafar kelmarin.

Mohd Tahir yang mewakili Menteri di Jabatan Ketua Menteri, Datuk Musa Hj Aman berkata, pendidikan prasekolah mencerminkan komitmen Yayasan Sabah dan Universiti Malaysia Sabah untuk meningkatkan taraf pendidikan masyarakat Malaysia khususnya di Sabah.

"Saya percaya bahawa dengan terjalannya kerjasama antara Yayasan Sabah dengan Universiti Malaysia Sabah

mengukuhkan lagi keyakinan masyarakat mengenai kepentingan pendidikan prasekolah di negara ini," katanya ketika berucap merasmikan Majlis Ikrar Pelajar Sijil Pendidikan Prasekolah UMS-YS 1999/2000 di Teater Mini Yayasan Sabah.

Beliau menambah, dalam mencapai hasrat ini pelbagai usaha telah dibuat dengan memberi tumpuan yang menyeluruh pada segenap lapisan masyarakat selaras dengan objektif Yayasan Sabah ditubuhkan.

Musa berkata, Yayasan Sabah juga sentiasa memberi kerjasama kepada organisasi-organisasi lain di negara ini. Contohnya dengan terme-

terainya perjanjian persefahaman dengan Universiti Malaysia Sabah pada 16 Disember 1998 yang lalu di mana kedua-dua organisasi ini akan bekerjasama untuk mempertingkatkan tahap pendidikan prasekolah di samping meningkatkan lagi tahap profesionalisme guru-guru prasekolah di negara Sabah.

Katanya Yayasan Sabah menyedari akan kepentingan perkembangan dan pertumbuhan awal seseorang insan. Usaha ini menjadi kenyataan dengan tertubuhnya Pusat Perkembangan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun dan menjadi 'Pakar Rujuk' dalam bidang pendidikan Prasekolah.



SERAMAI 54 pelajar Program Sijil Pendidikan Prasekolah UMS/YS sesi 1999/2000 melafazkan ikrar yang diketuai oleh Zurina Hj Kifli.

28 MARCH 1999
BORNEO POST